

KOD KELAKUAN ANTIRASUAH



Making progress become reality

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	1
DEFINISI	2
I. KOMITMEN KUMPULAN UNTUK MEMERANGI RASUAH	4
II. PENERIMA KOD KELAKUAN	5
III. KEBIMBANGAN SEMUA ORANG	6
1. Komitmen eksekutif Kanan dan Pengurus Kumpulan	6
2. Komitmen kakitangan	6
3. Peranan Jabatan Etika/Pematuhan	7
IV. MEMERANGI RASUAH SETIAP HARI	9
1. Pencegahan	9
2. Pengesanan	10
3. Mendokumenkan keputusan	11
4. Kawalan dan penilaian	12
5. Perakaunan	12
6. Melaporkan salah laku	13
7. Sekatan	13
V. MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP AMALAN BERISIKO	15
1. Hadiah dan keraian	15
2. Bayaran pemudahan	16
3. Naungan dan tajaan	16
4. Konflik kepentingan	17
5. Penggunaan perantara	18
6. Pembiayaan politik	20
7. Perwakilan kepentingan dan melobi	21
LAMPIRAN 1	23
LAMPIRAN 2	25

KATA PENGANTAR

Kumpulan Bouygues mewujudkan program Pematuhan Antirasuah buat kali pertama pada tahun 2014. Program ini telah disemak pada tahun 2017 dengan penambahan keperluan undang-undang Sapin 2 Perancis pada 9 Disember 2016.

Selain Kod Etika, kami juga berhasrat mengemas kini program ini untuk mengambil kira peraturan terkini dan menjadikan program lebih jelas dan praktikal.

Sejak tahun 2017, usaha membanteras rasuah telah ditambahbaikkan di Perancis dan seluruh dunia, malah keperluan pengawalseliaan menjadi lebih ketat, khususnya disebabkan pengenalan pelbagai undang-undang luar wilayah. Pelanggaran peraturan boleh mengakibatkan implikasi yang sangat serius kepada Kumpulan, eksekutif-eksekutif kanan dan kakitangan, termasuk denda yang berat, hukuman penjara, dan sanksi terhadap kelayakan Kumpulan untuk membida kontrak umum dan swasta serta mendapatkan dana.

Oleh itu, semua orang perlu memahami, menerima dan mematuhi peraturan berhubung pencegahan rasuah dengan sepenuhnya.


Jelas sekali, Kumpulan kami tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk rasuah dan penyelewangan. Penolakan sebarang bentuk amalan rasuah mestilah menjadi obligasi asas bagi semua eksekutif-eksekutif kanan, pengurus dan kakitangan.

Kami ingin menarik perhatian terutamanya eksekutif-eksekutif kanan dan pengurus kepada tanggungjawab-tanggungjawab khusus mereka dalam hal ini. Kami menggesa mereka untuk membaca Kod ini dengan teliti, menyebarkan Kod ini dalam kalangan kakitangan mereka dan memastikan peraturan berhubung larangan, pencegahan dan kawalan dilaksanakan dengan berkesan di Perancis dan juga di luar negara.

Kakitangan mesti memahami bahawa Kumpulan Bouygues tidak bertolak ansur dengan sebarang pelanggaran peraturan berhubung larangan rasuah. Oleh hal yang demikian, semua kakitangan mesti menjalani latihan antirasuah. Lebih penting lagi, mereka mesti mengetahui bahawa mereka boleh mengharapkan pengurus laluan mereka dan Pegawai Etika Kumpulan dan segmen-segmen Perniagaan jika mereka terdedah kepada situasi atau kejadian yang melibatkan rasuah. Kakitangan tidak boleh dibiarkan untuk mengendalikan situasi sedemikian seorang diri.

Martin Bouygues
Pengerusi Lembaga Pengarah

Olivier Roussat
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



DEFINISI

Pengawai awam: sesiapa yang memegang jawatan autoriti rasmi, sama ada dilantik atau dipilih, termasuk:

- sesiapa yang digajikan atau digunakan sebagai ejen atau wakil oleh pihak berkuasa negara, wilayah atau tempatan, entiti yang dikawal oleh salah satu autoriti tersebut atau autoriti pentadbiran bebas;
- sesiapa yang digajikan atau digunakan oleh agensi awam;
- calon yang bertanding untuk jawatan awam;
- ketua parti politik; dan
- pekerja organisasi awam antarabangsa.

Rasuah: rasuah boleh berbentuk aktif atau pasif.

- **Rasuah aktif** ialah memberi atau bersetuju untuk memberi entiti awam atau swasta atau orang Perancis atau asing, kelebihan tidak wajar sebagai tukaran kerana bertindak atau tidak bertindak dalam menjalankan tugas rasmi mereka untuk manfaat pelaku. Kesalahan dilakukan meskipun kelebihan tersebut sebenarnya tidak dibayar atau diberikan. Niat menipu tidak perlu dibuktikan untuk kesalahan tersebut didakwa dan dihukum.
- **Rasuah pasif** ialah menerima atau meminta kelebihan tidak wajar yang memenuhi syarat di atas.

Eksekutif kanan: bermaksud pengarah dan pegawai korporat bagi setiap Entiti Kumpulan.

Entiti: bermaksud syarikat dan Entiti Perancis dan asing menurut undang-undang yang secara langsung atau tidak langsung "dikawal" oleh segmen Perniagaan Kumpulan.

Kumpulan: bermaksud Bouygues SA dan semua syarikat dan Entiti Perancis dan asing menurut undang-undang yang secara langsung atau tidak langsung "dikawal" oleh Bouygues SA (termasuk usaha sama yang dikawal oleh Bouygues SA, segmen Perniagaan atau Entitinya). "Kawalan" mempunyai maksud seperti yang dinyatakan dalam gabungan peruntukan Perkara L. 233-3 dan L. 233-16 Kod Komersial Perancis (*Code de Commerce*) dan dengan itu termasuk kawalan *de jure* dan juga *de facto*.

Pengurus: setiap segmen Perniagaan akan mentakrif konsep "pengurus" yang relevan dengan skopnya berdasarkan proses dan aktiviti.

Segmen Perniagaan: bermaksud, dalam dokumen ini, Bouygues SA dan setiap satu segmen Perniagaan Kumpulan, iaitu, setakat tarikh daripada ini, Bouygues Construction, Bouygues Immobilier and Colas (Perniagaan Pembinaan), TF1 (Media) Bouygues Telecom (Telekomunikasi) dan Equans (Tenaga dan Perkhidmatan).

Pegawai Etika dan Pegawai Pematuhan: setiap segmen Perniagaan melantik Pegawai Etika masing-masing dan Pegawai Etika Kumpulan dilantik oleh Bouygues SA. Secara asasnya, Pegawai Etika ialah Penasihat Undang-undang entiti yang berkenaan, dan bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan Kod Etika, Kod Kelakuan Antirasuah dan program serta dasar Pematuhan Kumpulan. Pegawai Etika mungkin disokong oleh Pegawai Pematuhan yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan hal ehwal ini.

Meraih pengaruh: sama seperti rasuah, meraih pengaruh mungkin aktif atau pasif.

- **Meraih pengaruh secara aktif** adalah memberikan sogokan kepada seseorang untuk menggunakan pengaruh sebenar atau anggapan ke atas orang lain untuk mendapatkan kelebihan atau keputusan yang memihak.
- **Meraih pengaruh secara pasif** adalah bersetuju untuk menggunakan pengaruh seseorang atau mendapatkan kelebihan atau bantuan sebagai tukaran kerana menggunakan pengaruh seseorang.

I. KOMITMEN KUMPULAN UNTUK MEMERANGI RASUAH

Kumpulan Bouygues mengecam sebarang bentuk Rasuah dan meraih Pengaruh secara aktif atau pasif, sama ada dalam sektor awam atau swasta, dan sama ada dilakukan di Perancis atau negara lain.

Seperti yang dinyatakan dalam Kod Etika Kumpulan, tindakan Rasuah, meraih Pengaruh dan kesalahan yang serupa adalah bertentangan dengan nilai-nilai yang dikongsi bersama dan prinsip etika Kumpulan. Oleh yang demikian, Kumpulan melaksanakan dasar toleransi sifar terhadap rasuah dan sebarang pelanggaran peraturan yang berkenaan akan dikenakan tindakan tatatertib.

Komitmen untuk memerangi Rasuah ini mempunyai justifikasi yang kuat kerana sebarang pelanggaran peraturan negara atau antarabangsa, meskipun berlaku secara terpencil atau melibatkan amaun yang kecil, boleh memberikan implikasi yang sangat serius kepada Kumpulan, eksekutif-eksekutif Kanan dan kakitangan. Selain denda dan hukuman penjara bagi eksekutif Kanan, pelanggaran peraturan antirasuah boleh:

- membataskan akses Kumpulan kepada kontrak awam dan swasta;
- mengehadkan keupayaan untuk menjalankan perniagaan (misalnya, perampasan aset, penamatan atau sekatan pelbagai aktiviti);
- menjadikan lebih sukar untuk mendapatkan kredit bank atau insurans dan menarik pelabur;
- mengakibatkan porak-peranda dalaman dan membawakan impak negatif pada kakitangan; dan
- mencalarakan imej Kumpulan selama-lamanya.

Pada tahun 2017, Kumpulan telah menyemak program pematuhan antirasuah untuk memasukkan keperluan undang-undang 9 Disember 2016 berhubung ketelusan, pembasmian rasuah dan pemodenan kehidupan perniagaan (undang-undang “Sapin 2”)¹. Program pematuhan yang telah disemak kini digantikan dengan Kod Kelakuan Antirasuah ini.

Kod ini menetapkan maklumat, langkah pencegahan, pengesanan, pengawalan dan sekatan yang akan dilaksanakan oleh Kumpulan di Perancis dan di luar negara².

Setiap segmen-segmen Perniagaan boleh menambah atau menerima pakai peraturan yang lebih ketat daripada yang terkandung dalam Kod ini berdasarkan peta risikonya atau ciri perniagaan khususnya. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan mestilah diluluskan terlebih dahulu oleh Pegawai Etika Kumpulan.

(1) Khususnya Perkara 17, II, 1^o undang-undang Sapin 2.

(2) Dalam kes usaha sama yang dikawal secara bersama oleh Entiti Kumpulan dan rakan kongsi yang tidak mungkin dikenakan pematuhan kepada Kod ini, rakan kongsi tersebut hendaklah diminta membuat janji berkontrak untuk mematuhi standard yang sekurang-kurangnya setara dengan standard yang digariskan dalam Kod ini.

II. PENERIMA KOD KELAKUAN

Kod Kelakuan ini terpakai pada semua kakitangan dan eksekutif-eksekutif kanan Kumpulan¹ dalam urusan perniagaan mereka, tanpa mengira Entiti, projek atau negara tersebut.

Setiap segmen-segmen Perniagaan haruslah memastikan semua Entiti dalam skopnya menerima pakai dan menggunakan Kod Kelakuan di Perancis dan di luar negara.

Semua kakitangan Kumpulan bertanggungjawab untuk memerangi rasuah dalam segala bentuknya.

Akhir sekali, Kumpulan menghendaki pihak-pihak berkepentingannya (pelanggan, pembekal, subkontraktor, kontraktor bersama dan perantara) mematuhi standard yang sekurang-kurangnya setara dengan standard yang ditetapkan dalam Kod Kelakuan ini.

(1) Dalam kes usaha sama yang dikawal secara bersama oleh Entiti Kumpulan dan rakan kongsi yang tidak mungkin dikenakan pematuhan kepada Kod ini, rakan kongsi tersebut hendaklah diminta membuat janji berkontrak untuk mematuhi standard yang sekurang-kurangnya setara dengan standard yang digariskan dalam Kod ini.

III. KEBIMBANGAN SEMUA ORANG

1. Komitmen eksekutif Kanan dan Pengurus Kumpulan

Komitmen eksekutif-eksekutif Kanan dan Pengurus Kumpulan adalah penting bagi memastikan bahawa Kod Kelakuan diedarkan kepada dan dipraktikkan oleh semua kakitangan.

Peranan Eksekutif-eksekutif Kanan justeru lebih penting kerana undang-undang Sapin 2 meletakkan tanggungjawab ke atas mereka untuk melaksanakan dan menguatkuasakan pengaturan antirasuah, termasuk program pematuhan. Jika mereka gagal berbuat demikian, sanksi boleh dikenakan terhadap mereka secara peribadi¹.

Oleh itu, Kumpulan menghendaki semua Eksekutif-eksekutif Kanan dan Pengurus memimpin melalui teladan dengan:

- menahan diri daripada semua amalan rasuah dan kesalahan yang serupa;
- melaksanakan maklumat dan langkah pencegahan yang diterangkan di bawah; dan
- membantu untuk mengesan dan menghukum mana-mana pekerja yang melanggar Kod Kelakuan.

Eksekutif-eksekutif Kanan dan Pengurus utama Kumpulan dikehendaki membuat komitmen bertulis yang bermaksud sedemikian, yang akan dibaharui setiap dua tahun bagi mengambil kira perubahan peraturan, cadangan yang dibuat oleh pihak berkuasa kawal selia dan standard yang lebih ketat.

Teras penting pengaturan antirasuah

Kepimpinan pengurusan yang dapat menjadi contoh adalah penting. Anda berperanan sebagai duta Kod Kelakuan ini kepada kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan Kumpulan.

Oleh hal yang demikian, anda mesti mematuhi dasar toleransi sifar terhadap Rasuah dalam segmen-segmen Perniagaan atau Entiti anda. Anda juga bertanggungjawab mewujudkan persekitaran percaya yang membolehkan semua kakitangan berasa mereka boleh menyatakan sebarang kebimbangan tentang isu etika.

2. Komitmen kakitangan

Semua kakitangan Kumpulan bertanggungjawab untuk memerangi Rasuah dalam segala bentuknya. Oleh sebab itu dan di bawah penalti sanksi, termasuk sanksi jenayah, mereka tidak boleh:

- membiarkan diri mereka dirasuah dalam apa-apa jua cara atau cuba untuk merasuah orang perseorangan atau pegawai awam sama ada secara langsung atau melalui perantara; atau

(1) Lihat Perkara 17, IV dan V undang-undang Sapin 2.

- melakukan sebarang kesalahan yang serupa dengan Rasuah (meraih pengaruh, pilih kasih¹, pemerolehan kepentingan secara tidak sah², pengubahan wang haram³, dll.).

Oleh itu Kumpulan menghendaki semua kakitangan mengamalkan Kod Kelakuan ini dan sentiasa berhati-hati serta berwaspada dalam aktiviti mereka.

Untuk memastikan usaha memerangi Rasuah diterima guna oleh pihak-pihak berkepentingan (pelanggan, pembekal, penyedia perkhidmatan, subkontraktor, kontraktor bersama dan perantara), kakitangan hendaklah memastikan urusan dengan mereka mematuhi standard pematuhan Kumpulan.

Di baris hadapan

Anda pemain barisan hadapan dalam pematuhan harian. Alat yang disediakan oleh Kumpulan boleh membantu anda menjawab sebarang soalan tentang cara mengesan dan memerangi Rasuah.

Walau bagaimanapun, jika anda ragu-ragu atau mempunyaia sebarang pertanyaan, dapatkan nasihat daripada Pengurus laluan anda, Jabatan Undang-undang, Pegawai Pematuhan atau Pegawai segmen Perniagaan atau Pegawai Etika Kumpulan.

3. Peranan Jabatan Etika/Pematuhan

Kumpulan menyediakan cara yang diperlukan untuk memerangi pelanggaran tatasusila.

Jabatan Etika/Pematuhan diketuai oleh Pegawai Etika, yang juga Penasihat Undang-undang segmen Perniagaan, disokong oleh pasukan khusus (dan, mengikut keadaan, Pegawai Pematuhan).

Peranan Jabatan Etika/Pematuhan adalah:

- mengatur penyediaan dan pelaksanaan Kod Kelakuan;
- menasihati kakitangan dalam hal berkaitan dengan Kod; dan

(1) Di bawah Perkara 432-14 Kanun Jenayah Perancis, "Mana-mana orang yang memegang autoriti awam atau berkhidmat dalam perkhidmatan awam atau memegang jawatan pegawai awam yang dilantik atau bertindak sebagai wakil, pentadbir atau ejen pihak berkuasa Negeri, tempatan atau wilayah, daya usaha awam, syarikat gabungan kepentingan nasional yang melaksanakan misi perkhidmatan awam dan syarikat gabungan tempatan, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak mana-mana badan yang dinyatakan di atas, yang memperoleh atau cuba memperoleh kelebihan tidak wajar untuk orang lain melalui amalan yang melanggar peruntukan statutori atau kawal selia yang bertujuan memastikan kebebasan akses dan kesamarataan bagi calon-calon yang membida kontrak awam dan kontrak konsesi perkhidmatan awam, akan dijatuhkan hukuman penjara dua tahun dan denda sebanyak €30,000."

(2) Di bawah Perkara 432-12 Kanun Jenayah Perancis, "Mengambil, menerima atau menyimpan, secara langsung atau tidak langsung, kepentingan dalam perniagaan atau operasi perniagaan oleh mana-mana orang yang memegang autoriti awam atau menjalankan misi perkhidmatan awam, atau mana-mana orang yang memegang jawatan awam yang dilantik, yang pada masa tersebut bertanggungjawab memastikan, secara sepenuhnya atau sebahagiannya, penyeliaan, pengurusan, pembubaran atau pembayarannya, akan dikenakan hukuman penjara lima tahun dan denda sebanyak €500,000 atau, jika lebih tinggi, dua kali amaun hasil daripada kesalahan tersebut."

(3) Di bawah Perkara 324-1 Kanun Jenayah Perancis, "Pengubahan wang haram ialah pemudahan melalui apa-apa cara justifikasi palsu tentang asal usul aset atau pendapatan pelaku jenayah atau kesalahan yang telah memberikan faedah langsung atau tidak langsung kepada pelaku tersebut. Pengubahan wang haram juga membantu untuk melaburkan, menyembunyikan atau menukar hasil langsung atau tidak langsung yang bersumber daripada jenayah atau kesalahan. Pengubahan wang haram boleh dikenakan hukuman penjara lima tahun dan denda sebanyak €375,000."

- menyediakan tambahan atau ilustrasi Kod jika dikehendaki oleh ciri khusus segmen Perniagaan selepas analisis risiko. Sebarang tambahan mestilah diluluskan oleh Pegawai Etika Kumpulan.

Setiap segmen-segmen Perniagaan mempunyai Jawatankuasa Etika yang melapor kepada Lembaga Pengarah. Jawatankuasa ini bermesyuarat secara tetap untuk menyemak isu etika dan menilai pengaturan pencegahan dan pengesanan Rasuah yang telah dilaksanakan. Selain itu, jawatankuasa ini mentakrif peraturan kelakuan dan pelan tindakan yang akan memandu perilaku eksekutif-eksekutif kanan dan kakitangan.

IV. MEMERANGI RASUAH SETIAP HARI

1. Pencegahan

Maklumat

Untuk memastikan semua eksekutif-eksekutif kanan dan kakitangan memahami dan menerima guna Kod Kelakuan sebaik yang mungkin, Kod ini boleh diakses setiap masa melalui Intranet Kumpulan dan Intranet setiap segmen Perniagaan, atau melalui mana-mana cara lain yang ditentukan oleh segmen-segmen Perniagaan.

Berdasarkan pengaturannya masing-masing, segmen-segmen Perniagaan menyemak untuk memastikan kandungan Kod dan komitmen Kumpulan terhadap usaha memerangi rasuah diketahui oleh semua orang. Mereka mesti memberikan sebarang maklumat yang mungkin berguna kepada eksekutif-eksekutif kanan dan kakitangan dalam aktiviti mereka, seperti:

- memo tentang amalan yang memerlukan perhatian khusus berhubung usaha memerangi rasuah;
- amaran dan memo undang-undang atau kawal selia tentang peraturan antirasuah (cadangan daripada pihak berkuasa, undang-undang kes, pindaan undang-undang), yang mesti diedarkan dengan segera; dan
- sebarang maklumat tentang integriti pihak berkepentingan, bersama dengan Jabatan Undang-undang segmen Perniagaan dan, mengikut keadaan, dengan penasihat khas dan penyedia perkhidmatan luar.

Akhir sekali, segmen-segmen Perniagaan mesti melakukan usaha terbaik untuk memastikan pelanggan, pembekal utama, subkontraktor, kontraktor bersama, perunding, perantara dan rakan-rakan kongsi mereka mematuhi Kod Kelakuan atau mengamalkan standard yang setara.

Latihan

Segmen-segmen Perniagaan menyediakan dan melaksanakan program latihan yang disesuaikan dengan aktiviti perniagaan dan lokasi perniagaan mereka. Program ini mesti mengandungi:

- Modul **latihan mandatori** untuk semua kakitangan, meliputi Kod Kelakuan dan peraturan berkaitan rasuah dan penyelewengan.
- Modul **latihan secara bersemuka yang lebih khusus** untuk eksekutif kanan dan kakitangan yang lebih cenderung terdedah kepada rasuah dan risiko meraih pengaruh¹.

Rangka kerja berkontrak

Segmen-segmen Perniagaan mengenal pasti kontrak yang mesti mengandungi peruntukan antirasuah.

(1) Contohnya, kakitangan yang mungkin dipindahkan ke negara yang mempunyai Indeks Persepsi Rasuah Transparency International sebanyak 50 atau kurang (lihat pautan dalam Lampiran 2 untuk melihat indeks yang terkini).

Peruntukan tersebut mestilah sekurang-kurangnya disertakan dalam dokumen yang berikut:

- kontrak yang mempunyai risiko Rasuah (cth. perjanjian perkongsian atau usaha sama, perjanjian tajaan dan naungan, perjanjian pemerolehan syarikat, kontrak dengan perantara);
- kontrak penggajian atau pengambilan kerja individu untuk kakitangan yang terdedah kepada risiko Rasuah dalam urusan kerja mereka (cth. kakitangan yang bertanggungjawab kepada subsidiari, Entiti atau projek, Jabatan Jualan atau Jabatan Pembelian); dan
- penugasan autoriti yang diberikan kepada eksekutif-eksekutif kanan yang bertanggungjawab kepada Entiti, jabatan atau projek atau yang diberi kuasa untuk membuat komitmen kewangan atau menjalankan fungsi dalam Jabatan Jualan atau Pembelian.

2. Pengesanan

Kumpulan telah melaksanakan beberapa alat untuk memastikan risiko Rasuah yang khusus dalam aktiviti perniagaannya dikesan lebih awal. Dalam hubungan ini, semakan pematuan mestilah dijalankan sebelum memulakan sebarang projek besar atau aktiviti perniagaan yang baharu atau membuka operasi perniagaan yang baharu.



Pemetaan risiko rasuah

Segmen-segmen Perniagaan menyediakan peta risiko untuk mengenal pasti, menganalisis dan menarafkan risiko pendedahan Entiti mereka kepada pengumpanan Rasuah luaran. Peta risiko hendaklah mengambil kira sektor perniagaan dan lokasi Entiti beroperasi. Peta risiko perlu dinilai setiap tahun.

Penilaian pihak ketiga

Segmen-segmen Perniagaan melaksanakan tatacara untuk menilai kedudukan pelanggan, pembekal utama, perantara dan lebih umum lagi, rakan-rakan kongsi mereka berdasarkan peta risiko Rasuah. Penilaian ini mestilah berkesan, terperinci, didokumenkan dan dikemas kini mengikut tahap risiko dan perkembangan hubungan pihak ketiga.

Analisis risiko syarikat sasaran

Kumpulan memerlukan analisis risiko Rasuah yang ketat dijalankan sebelum sebarang penggabungan atau pemerolehan yang melibatkan syarikat sasaran.

Penilaian pihak-pihak ketiga: faktor yang perlu diambil kira

Analisis risiko rakan-rakan kongsi mungkin melibatkan langkah yang berikut, bergantung pada peta risiko segmen-segmen Perniagaan atau Entiti yang berkenaan:

- memahami latar belakang dan persekitaran mereka;
- mendapatkan maklumat tentang struktur pemegang sahamnya, eksekutif utama dan pemilik benefisial¹;
- cuba menentukan sama ada mereka mempunyai sebarang hubungan dengan pegawai awam;
- mengenal pasti sebarang sabitan atas pelanggaran tatasusila atau sebarang prosiding undang-undang yang belum diputuskan terhadapnya;
- menentukan elemen utama pengaturan antirasuah mereka; dan
- mendokumenkan semua peringkat analisis.

Sekiranya audit dijalankan, semua maklumat ini diperlukan oleh pihak berkuasa.

3. Mendokumenkan keputusan

Jabatan Undang-undang bagi setiap segmen Perniagaan hendaklah melaksanakan dasar penyimpanan yang mencukupi bagi semua dokumentasi yang berkaitan dengan pengenaan Kod Kelakuan, termasuk peta risiko Rasuah, penilaian pihak ketiga dan analisis risiko yang dijalankan.

Dasar penyimpanan dokumen ini mesti membolehkan segmen Perniagaan atau Entiti untuk membuktikan bahawa urusan perniagaannya mematuhi peraturan yang berkenaan.

Dokumen mestilah disimpan selama tempoh masa yang mencukupi, iaitu sekurang-kurangnya lima tahun.

(1) Pemilik benefisial ialah individu atau individu-individu yang secara langsung atau tidak langsung memiliki 25% saham syarikat, atau mempunyai kawalan terhadap pihak pentadbiran atau pengurusan skim pelaburan kolektif atau, mengikut keadaan, firma pengurusan pelaburan yang mewakilinya. Lihat Perkara R.561-2 Kanun Monetari dan Kewangan Perancis.

4. Kawalan dan penilaian

Peraturan dan prinsip yang ditetapkan dalam Kod Kelakuan hanya berkesan jika dikawal, dinilai dan ditambah baik secara berkala.

Semua Eksekutif-eksekutif kanan dan Pengurus yang memegang tanggungjawab operasi bagi Entiti Kumpulan hendaklah memastikan bahawa semua urusan perniagaan dijalankan dengan sempurna dan wajar, bahawa kawalan yang sewajarnya telah dilaksanakan dan bahawa sumber penilaian yang disediakan oleh Kumpulan atau segmen Perniagaan digunakan.

Segmen Perniagaan hendaklah melaksanakan beberapa tahap kawalan dan penilaian bagi pelaksanaan Kod Kelakuan yang betul:

- **Tahap 1:** semua kakitangan bertanggungjawab untuk memastikan aktiviti perniagaan mematuhi peraturan yang berkenaan.
- **Tahap 2:** kawalan dalaman bagi segmen Perniagaan memastikan bahawa penilaian sendiri dijalankan dengan betul. Laporan kawalan dalaman dihantar kepada Pegawai Etika dan Pegawai Pematuhan. Pegawai Pematuhan menggunakan laporan kawalan dalaman untuk melaporkan pelaksanaan Kod Kelakuan, penambahbaikan yang telah atau yang akan dibuat, masalah yang dihadapi dan pelan tindakan yang akan dilaksanakan.
- **Tahap 3:** audit tetap dijalankan oleh jabatan audit dalaman segmen-segmen Perniagaan dan Bouygues SA untuk memastikan bahawa operasi Kumpulan dijalankan dengan mematuhi prinsip Kod Kelakuan dan rangka kerja kawalan dalaman Kumpulan serta Segmen Perniagaan. Laporan audit dihantar kepada Pegawai Etika dan Pegawai Pematuhan segmen Perniagaan dan Kumpulan, dan kepada Jawatankuasa Etika. Jika perlu, Kod Kelakuan akan dikuatkuasakan mengikut dapatan audit.

Pematuhan sebagai satu kriteria dalam penilaian tahunan Eksekutif Kanan dan Pengurus

Pelaksanaan Kod Kelakuan dan langkah yang diambil berhubung amalan antirasuah akan diambil kira dalam penilaian tahunan Eksekutif Kanan dan Pengurus Kumpulan.

Sebarang kekurangan atau kelemahan sepanjang tahun untuk mencegah dan mengesan Rasuah dalam subsidiari akan diambil kira dan berkemungkinan menjejaskan penilaian tahunan mereka.

5. Perakaunan

Kumpulan memastikan bahawa dana dan asetnya yang lain digunakan bagi tujuan komersial penuh percaya, khususnya dengan merekodkan operasi perniagaannya dan transaksi dengan tepat serta adil dalam setiap akaun Entiti, menurut peraturan dan tatacara dalaman yang berkenaan.

Semua eksekutif-eksekutif kanan atau kakitangan yang bertanggungjawab bagi masukan perakaunan mestilah melakukan tugas itu dengan rapi dan mendokumentenkan setiap masukan dengan betul. Selain itu, semua pindahan dana memerlukan ketelitian, khususnya berhubung identiti benefisiari dan tujuan pindahan tersebut.

Akhir sekali, Jabatan Perakaunan dan Kewangan mestilah bekerjasama erat dalam hal ini.

6. Melaporkan salah laku

Kod Etika Kumpulan menggalakkan kebebasan bersuara. Kakitangan dan eksekutif-eksekutif kanan boleh melaporkan kebimbangan atau mengajukan pertanyaan tentang amalan yang menyalahi Kod Kelakuan kepada Pengurus baris mereka, Jabatan Undang-undang, atau Pegawai Pematuhan atau Etika.

Kumpulan telah menyediakan kemudahan pemberian maklumat untuk kakitangan (termasuk pekerja luar dan sambilan), eksekutif-eksekutif kanan dan pihak-pihak berkepentingan untuk melaporkan kebimbangan mereka tentang (i) jenayah atau kesalahan, (ii) ancaman atau mudarat kepada kepentingan awam, (iii) pelanggaran atau percubaan untuk menyembunyikan pelanggaran perjanjian antarabangsa yang telah disahkan atau diluluskan oleh Perancis atau tindakan sepihak yang diambil oleh organisasi antarabangsa berdasarkan perjanjian tersebut, undang-undang Kesatuan Eropah atau undang-undang dan peraturan, atau (iv) pelanggaran Kod Kelakuan. Sebarang kebimbangan atau pertanyaan yang dikemukakan kepada kemudahan pemberian maklumat dalam ini hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Etika segmen Perniagaan yang berkenaan. Jika pemberi maklumat percaya bahawa situasi tersebut melampaui skop segmen Perniagaan, pemberi maklumat boleh melapor terus kepada Pegawai Etika Kumpulan. Begitu juga, Pegawai Etika segmen Perniagaan boleh menyampaikan makluman kepada Pegawai Etika Kumpulan jika pegawai percaya bahawa situasi tersebut melampaui skop segmen Perniagaan.

Tatacara pelaporan, penerimaan dan pengendalian makluman dihuraikan dalam lampiran Kod Etika, bertajuk “Lampiran: kemudahan pemberian maklumat – tatacara dalaman berhubung penerimaan dan pemprosesan makluman pemberi maklumat”.

Jangan menutup mata

Tiada sesiapa patut mengabaikan sebarang bentuk amalan yang menyeleweng.

Bagi pihak berkuasa kehakiman, anda boleh dianggap sebagai rakan sejenayah jika anda gagal mencegah perilaku yang menyalahi undang-undang yang anda ketahui dan berupaya untuk menghalang.

Jika anda menyaksikan perilaku Rasuah, anda bertanggungjawab untuk melaporkan insiden itu dengan segera. Entiti atau segmen Perniagaan yang berkaitan kemudiannya akan memutuskan sama ada untuk melaporkan perkara tersebut kepada pihak berkuasa, selain Pegawai Etika dan Jabatan Undang-undang.

7. Sanksi

Tindakan Rasuah atau kegagalan mencegah rasuah boleh dikenakan hukuman oleh pihak berkuasa pentadbiran dan kehakiman seperti yang diterangkan dalam Lampiran 1 Kod Kelakuan ini. Eksekutif kanan atau kakitangan bertanggungjawab secara peribadi ke atas sebarang denda yang dikenakan terhadap mereka oleh mahkamah.

Berdasarkan dasar toleransi sifar berhubung Rasuah, Kumpulan akan mengambil sebarang langkah yang perlu jika berlaku pelanggaran peraturan pematuhan.

Dalam sebarang keadaan, sanksi dan langkah pemulihan akan diambil, termasuk:

- penyingkiran eksekutif kanan daripada jawatan atau tindakan tatatertib ke atas kakitangan (mungkin sehingga pemecatan) sekiranya berlaku pelanggaran Kod Kelakuan atau tindakan mendedahkan Entiti, segmen Perniagaan atau Bouygues SA kepada akibat daripada perilaku Rasuah;
- prosiding undang-undang di samping tindakan sivil jika didapati berlaku amalan rasuah; dan
- penamatan hubungan berkontrak dengan mana-mana subkontraktor, kontraktor bersama atau rakan kongsi yang terlibat dalam perilaku Rasuah.

V. MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP AMALAN BERISIKO

Ditawarkan perjalanan oleh pembekal, menaja pasukan bola sepak, membiayai kerja amal, menjadi pemegang saham dalam syarikat klien, membayar komisen kepada ejen untuk mempercepat pelepasan kastam bagi penghantaran barangan, atau berhubung dengan penggubal undang-undang yang bertanggungjawab mengendalikan undang-undang “sensitif” bagi Kumpulan merupakan situasi yang mungkin dihadapi oleh eksekutif kanan dan kakitangan Kumpulan, dan mungkin menimbulkan risiko rasuah.

Semua orang mestilah berupaya mengenal pasti amalan berisiko ini dan mengetahui cara bertindak untuk mengelakkan sebarang liabiliti terhadap diri mereka sendiri atau Kumpulan.

1. Hadiah dan keraian

Meskipun pemberian dan penerimaan hadiah serta keraian merupakan bahagian penting dalam urusan perniagaan, perkara ini boleh mempengaruhi kesaksamaan orang yang memberi atau menerima hadiah atau keraian tersebut. Pada awal tahun 2020, Kumpulan menyediakan dasar “Hadiah dan keraian” yang menetapkan keadaan yang membolehkan kakitangan memberi atau menerima hadiah dan keraian.

Dasar ini melarang eksekutif-eksekutif kanan dan kakitangan daripada memberi atau menerima hadiah dan keraian yang tidak mematuhi dasar (barang modal, wang tunai, pelepasan hutang, dll.), nilai (melebihi ambang yang ditetapkan oleh peraturan dalaman) atau masa (semasa pelawaan tender atau proses membuat keputusan).

Bergantung pada amaunnya, hadiah atau keraian harus dilaporkan kepada atau diluluskan oleh Pengurus baris anda, jika perlu selepas mendapatkan nasihat daripada Pegawai Pematuhan atau Jabatan Undang-undang. Mana-mana hadiah atau keraian tersebut mestilah dijejaki dan, jika berkenaan, direkodkan dengan jelas dalam akaun syarikat.

Hadiah dan keraian: amalan yang baik

Dalam sebarang keadaan anda ingin memberi atau menerima hadiah atau keraian, anda hendaklah merujuk dasar “Hadiah dan Keraian” Kumpulan dan, jika berkenaan, dasar segmen Perniagaan yang relevan.

Tanya diri anda soalan yang berikut:

- Adakah saya berasa selesa menerima hadiah atau keraian ini?
- Adakah saya berasa selesa jika hadiah atau keraian ini diketahui oleh orang lain?
- Apakah konteksnya? Adakah hadiah atau keraian tersebut merupakan ihsan perniagaan atau insentif?
- Adakah hadiah atau keraian tersebut munasabah dalam amalan perniagaan yang lazim?
- Adakah saya akan bersikap bebas jika saya memberi atau menerima hadiah atau keraian ini?
- Adakah imej Entiti, segmen Perniagaan atau Kumpulan akan terjejas?

Sekiranya anda berasa ragu-ragu, hubungi Jabatan Undang-undang atau Pegawai Pematuhan.

2. Bayaran pemudahan

Bayaran pemudahan adalah bayaran tidak wajar yang dibuat kepada (atau diminta oleh) pegawai awam untuk memudahkan urusan niaga atau mempercepat tatacara pentadbiran rutin (pelepasan kastam bagi barangan, mendapatkan visa, permit, dll) yang boleh diminta secara sah.

Kumpulan berpegang pada prinsip larangan daripada membuat sebarang bayaran pemudahan oleh eksekutif-eksekutif kanan dan kakitangan melainkan bayaran diminta secara paksa atau dengan ancaman terhadap nyawa, kesejahteraan fizikal atau keselamatan kakitangan.

3. Naungan dan tajaan¹

Kumpulan menghargai tindakan naungan, yang mengukuhkan objektif sumbangan kepada masyarakat, seperti yang dinyatakan dalam Kod Etika. Kumpulan juga menggalakkan sumbangan kepada acara sukan, budaya, seni dan saintifik yang sejajar dengan nilai-nilai yang didukungnya.

Bagaimanapun, tindakan naungan seperti penajaan boleh mewujudkan risiko Rasuah kerana tindakan tersebut boleh digunakan sebagai cara untuk menyembunyikan dan/atau melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang secara tidak langsung.

Naungan bermaksud menderma wang, barangan atau perkhidmatan kepada usaha kebajikan yang mempunyai kepentingan awam.

Tajaan adalah sumbangan kepada pembiayaan organisasi atau acara seperti seminar, persidangan atau acara sukan, untuk mendapatkan manfaat komersial berpotensi daripada penyertaan atau perkaitan secara jelas dengan acara tersebut. Oleh itu, tajaan bertujuan mempromosikan imej komersial produk atau jenama melalui antara lain mesej pengiklanan.

Penajaan mesti mempunyai tujuan yang sah dan tidak boleh menjadi cara untuk menyembunyikan dan/atau melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang secara tidak langsung (bayaran tidak sah, rasuah, meraih pengaruh, dll.) dan/atau menyertai aktiviti yang dilarang oleh Kumpulan (contohnya, membiayai parti politik).

Penyertaan dalam mana-mana naungan atau tajaan adalah dilarang apabila:

- bertujuan untuk mendapatkan atau mengekalkan kontrak, keputusan atau kebenaran;
- merupakan insentif untuk menjalankan projek atau berlaku pada masa yang strategik justeru boleh mempengaruhi kepentingan segmen Perniagaan atau Entiti yang berkaitan (pelawaan tender yang sedang berjalan, permohonan kebenaran yang belum diluluskan, dll.);
- benefisiari dan/atau eksekutif kanan mempunyai rekod jenayah atau pengurusan didapati melakukan kesalahan oleh organisasi kawalan (di Perancis, Mahkamah Audit – *Cour des Comptes*);

(1) Seksyen ini tidak meliputi tajaan pengiklanan yang ditadbir oleh Dekri no. 92-280 bertarikh 27 Mac 1992 berhubung obligasi pengiklanan, penajaan dan penyedia perkhidmatan telebeli-belah.

- benefisiari jelas sekali cuba meraih keuntungan peribadi atau melakukan perbuatan atau amalan pengurusan yang memberikan tanggapan ahlinya mungkin atau boleh menggelapkan dana;
- kakitangan di belakang penajaan memperoleh faedah peribadi langsung; atau
- penajaan tidak menyumbang dalam apa-apa jua cara kepada dasar pemasaran atau komunikasi segmen Perniagaan atau Entiti yang berkaitan.

Bagi naungan, segmen Perniagaan hendaklah menetapkan rangka kerja bagi dasar naungan mereka bersama dengan Jawatankuasa Etika. Sekiranya naungan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam dasar, Jawatankuasa Etika segmen Perniagaan mestilah dirujuk untuk meluluskan tindakan, benefisiari dan bentuk sumbangan.

Akhir sekali, bagi setiap naungan atau tajaan, Kumpulan menghendaki:

- analisis risiko tatasusila mesti dijalankan terhadap benefisiari;
- sumbangan hendaklah dinyatakan dalam kontrak bertulis yang rasmi;
- eksekutif-eksekutif kanan atau kakitangan yang bertanggungjawab menjalankan tindakan hendaklah mengesahkan hubungan (atau ketiadaan hubungan) dengan benefisiari tindakan; dan
- sumbangan hendaklah dipantau untuk memastikan dana digunakan bagi tujuan yang dinyatakan dalam kontrak.

Naungan atau tajaan: isu sensitif

Segmen-segmen Perniagaan memberikan respons kepada pelawaan tender yang dibuat oleh pihak berkuasa perbandaran. Datuk bandar mempelawa kakitangan segmen Perniagaan yang bertanggungjawab mengendalikan pelawaan tender untuk menaja pertandingan sukan bandar dalam tempoh yang sama.

Tindakan yang harus dilakukan:

Anda hendaklah sentiasa berhati-hati tentang konteks naungan atau tajaan. Jenis tindakan ini dilarang keras semasa segmen Perniagaan sedang berunding dengan pihak berkuasa perbandaran.

Sekiranya anda berasa ragu-ragu, hubungi Pegawai Pematuhan segmen Perniagaan anda atau Jabatan Undang-undang.

4. Konflik kepentingan

Konflik kepentingan wujud apabila kepentingan peribadi eksekutif kanan atau kakitangan bercanggah atau bersaing dengan kepentingan entiti Kumpulan yang relevan.

Kod Etika melarang eksekutif-eksekutif kanan dan kakitangan daripada terlibat secara langsung dalam aktiviti yang boleh mencetuskan konflik kepentingan dengan Entiti atau segmen Perniagaan mereka. Sekiranya eksekutif kanan atau kakitangan mendapati mereka terlibat dalam konflik kepentingan yang berpotensi atau yang sebenar, mereka hendaklah merujuk Pengurus Laluan mereka tanpa menyembunyikan sebarang fakta.

Kumpulan telah membangunkan program Pematuhan Konflik Kepentingan.

Melaporkan konflik kepentingan

Kakak ipar anda merupakan CEO sebuah syarikat yang ingin menjadi pembekal baharu kepada segmen Perniagaan anda. Jawatan anda membolehkan anda mempengaruhi proses pemilihan pembekal.

Tindakan yang harus dilakukan:

Anda harus melaporkan konflik ini dengan segera kepada Pengurus baris anda, yang akan merujuk Pegawai Pematuhan atau Jabatan Undang-undang berhubung langkah yang perlu diambil (contohnya, tidak mengambil bahagian dalam proses pemilihan, mengambil langkah yang sewajarnya untuk memastikan dokumen yang relevan kekal sulit, dll.).

5. Penggunaan perantara

Takrif perantara

Perantara adalah mana-mana entiti atau orang, tanpa mengira status atau sektor perniagaan mereka, yang bertindak sebagai orang tengah antara pihak ketiga dalam sektor awam atau swasta dengan Kumpulan atau salah satu segmen Perniagaan atau Entitinya untuk membantu mendapatkan sebarang jenis kontrak, komitmen, keputusan atau kebenaran.

Orang yang cuma menyediakan perkhidmatan perundingan teknikal atau perkhidmatan intelektual, tanpa bertindak sebagai orang tengah, tidak dianggap sebagai perantara menurut takrifan dalam perenggan sebelum ini. Eksekutif kanan atau kakitangan yang berkenaan bertanggungjawab untuk menilai sama ada orang atau entiti yang akan dilantik oleh mereka merupakan perantara atau tidak. Sekiranya anda berasa ragu-ragu tentang perkhidmatan yang diusulkan, rujuk Jabatan Undang-undang atau Pegawai Pematuhan.

Prinsip Kumpulan

Penggunaan perantara dilarang keras oleh Kumpulan jika tujuannya adalah untuk menjalankan aktiviti yang tidak boleh dilakukan sendiri oleh Kumpulan, segmen Perniagaan atau Entiti atau jika terdapat keraguan yang serius berhubung integriti perantara meskipun semua langkah berwaspada yang sewajarnya telah diambil.

Dalam sesetengah situasi, contohnya apabila Entiti ingin memasuki pasaran baharu atau memerlukan bantuan atau sokongan profesional bertauliah untuk menjalankan rundingan atau urusan komersial yang lain, penggunaan perantara mungkin dijangkakan.

Walau bagaimanapun, amalan ini mungkin melibatkan risiko kerana entiti yang mendapatkan bantuan atau sokongan perantara mungkin dikenakan penalti yang berat sekiranya perantara terlibat dalam sebarang penyelewangan. Oleh itu, penggunaan perantara hendaklah dipertimbangkan dengan berhati-hati.

Selain itu, anda mesti berhati-hati apabila memilih perantara dan dalam semua urusan dengan perantara tersebut apabila:

- perantara berunding dengan pegawai awam;
- perantara dicadangkan atau ditetapkan oleh pihak ketiga (pegawai awam, pelanggan, dll.); atau
- undang-undang setempat memerlukan penggunaan perantara bagi urusan niaga yang akan dijalankan.

Secara asasnya, orang perseorangan tidak boleh bertindak sebagai perantara. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat pengecualian dalam prinsip ini jika kebenaran diperoleh terlebih dahulu daripada Jabatan Undang-undang yang relevan atau Pegawai Pematuhan. Pengecualian mestilah mempunyai justifikasi yang kuat dan ditetapkan secara formal dalam tatacara yang akan diserahkan untuk kelulusan kepada Pegawai Etika segmen Perniagaan dan Pegawai Etika Kumpulan.

Segmen-segmen Perniagaan mungkin melarang atau mengehadkan penggunaan sesetengah jenis perantara berdasarkan peta risiko mereka sendiri.

Kelulusan terlebih dahulu

Kakitangan yang ingin menggunakan perantara mesti merujuk Jabatan Undang-undang atau Pegawai Pematuhan terlebih dahulu dan menjalankan semakan yang berikut:

- Adakah perantara tersebut merupakan entiti undang-undang?
- Adakah perantara wujud secara sah dan memiliki lokasi perniagaan yang sebenar?
- Adakah perantara membayar cukai?
- Siapakah pemilik benefisiari perantara itu?
- Adakah perantara memiliki pengalaman yang mencukupi dan reputasi dalam bidangnya serta sumber yang mencukupi untuk tujuan (adakah aktiviti perniagaannya benar, adakah penyediaan perkhidmatan yang berkenaan merupakan aktiviti perniagaan biasanya, adakah pelanggannya serius, apakah perantara mempunyai pengetahuan yang betul dalam sektor atau negara yang relevan, dll.)?

Bendera merah

Apabila anda menjalankan analisis risiko, anda mesti memberikan perhatian kepada perkara yang berikut:

- sebarang kemungkinan konflik kepentingan;
- hubungan peribadi dan/atau profesional antara perantara dengan pegawai awam;
- kesukaran mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menjalankan analisis risiko;
- sebarang permintaan yang meragukan atau tidak dapat dijelaskan oleh perantara (ketanpanamaan, hubungan eksklusif dengan pelanggan, dll.);
- sebarang sabitan bagi pelanggaran tatasusila oleh perantara, salah seorang eksekutif kanan atau salah seorang pemegang sahamnya;
- terma pembayaran yang dicadangkan oleh perantara (tunai, pembayaran ke akaun bank di tempat berlindung cukai atau ke akaun selain akaun perantara, dll.) atau amaun fi yang dikenakan; dan
- keengganan perantara untuk mematuhi peraturan antirasuah.

Keputusan untuk menggunakan perantara adalah berdasarkan bilangan dan kepentingan sebarang bendera merah yang dikenal pasti, di samping nasihat daripada Jabatan Undang-undang, Pegawai Pematuhan atau Pegawai Etika.

Hubungan berkontrak

Mana-mana hubungan perniagaan dengan perantara mestilah dikawal oleh kontrak yang disediakan dengan bantuan Jabatan Undang-undang atau Pegawai Pematuhan. Kontrak hendaklah ditandatangani oleh pegawai korporat segmen Perniagaan atau Entiti yang berkenaan.

Kontrak mestilah menetapkan rangka kerja kontrak bagi perkhidmatan yang akan disediakan oleh perantara dan mesti mengandungi fasal antirasuah.

Pengecualian kepada prinsip ini boleh dikemukakan kepada segmen Perniagaan bergantung pada aktiviti perniagaan mereka. Pengecualian mestilah mempunyai justifikasi yang kuat dan ditetapkan secara formal dalam tatacara yang akan diserahkan untuk kelulusan kepada Pegawai Etika segmen Perniagaan dan Pegawai Etika Kumpulan.

Senarai kontrak perantara yang terkini (dan sebarang pindaan) hendaklah disediakan dan dihantar secara tetap kepada Pegawai Etika segmen Perniagaan yang berkenaan.

Fi perantara

Fi perantara mestilah dipersetujui secara kontrak dan mesti mencerminkan bayaran yang adil bagi perkhidmatan yang betul dan wajar. Oleh itu, fi mestilah:

- berkadar dengan tempoh dan kerumitan perkhidmatan yang disediakan;
- termasuk fi tetap dan jika komisen disertakan, amaun komisen tidak boleh melebihi fi tetap. Struktur dan terma sebarang komisen mestilah diluluskan terlebih dahulu oleh Pegawai Etika segmen Perniagaan yang berkenaan;
- dibayar mengikut peratusan kemajuan penyiapan dan tertakluk pada penyerahan invois oleh perantara yang mendokumenkan perkhidmatan yang diberikan (penyelidikan, dokumen prestasi kontrak, laporan, minit mesyuarat, dll.); dan
- dibayar ke akaun bank di negara tempat projek berkenaan dijalankan. Jika perantara tidak tinggal di negara tersebut, fi boleh dibayar di negara tempat perniagaan utama perantara tersebut.

Pengecualian kepada prinsip ini boleh dikemukakan kepada segmen-segmen Perniagaan bergantung pada aktiviti-aktiviti perniagaan mereka. Pengecualian mestilah mempunyai justifikasi yang kuat dan ditetapkan secara formal dalam tatacara yang akan diserahkan untuk kelulusan kepada Pegawai Etika segmen Perniagaan dan Pegawai Etika Kumpulan.

6. Pembiayaan politik

Di Perancis, entiti undang-undang dilarang keras daripada membiayai parti politik atau kerjaya ahli politik atau calon yang bertanding untuk jawatan politik. Hal ini juga sama di kebanyakan negara lain.

Dasar umum Kumpulan melarang sumbangan kepada pembiayaan parti politik atau ahli politik sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui NGO, kumpulan pemikir, yayasan, dll.

7. Perwakilan kepentingan dan melobi

Kumpulan terlibat dalam perwakilan kepentingan atau melobi¹ untuk menjadikan aktiviti mereka lebih diketahui dan difahami. Eksekutif-eksekutif kanan Kumpulan dan segmen-segmen Perniagaan bertanggungjawab mentakrif dan menentukan objektif dan dasar melobi. Dasar ini mesti mematuhi peraturan yang berkenaan dan mestilah sejajar dengan nilai-nilai Kumpulan.

Eksekutif-eksekutif kanan atau kakitangan yang terlibat dalam aktiviti melobi

Eksekutif-eksekutif kanan atau kakitangan yang terlibat dalam aktiviti melobi dikehendaki bertindak dengan kejujuran dan integriti sejajar dengan peraturan yang berkenaan, Kod Etika Kumpulan dan Kod Kelakuan ini.

Di Perancis, segmen-segmen Perniagaan bertanggungjawab untuk mendaftar, mengemas kini dan melaporkan maklumat tentang syarikat, eksekutif kanan dan kakitangan dalam peranan mereka yang terlibat dalam aktiviti melobi di Perancis kepada Pihak Berkuasa Tinggi Perancis bagi Ketelusan dalam Kehidupan Awam (French High Authority for Transparency in Public Life, HATVP).

Eksekutif kanan atau kakitangan yang terlibat dalam melobi mesti:

- menjauhi amalan rasuah, tidak adil atau antisaiing, dan khususnya daripada menawarkan kelebihan yang dilarang dengan tujuan untuk mempengaruhi keputusan pembuat keputusan awam;
- mematuhi tanggungjawab mereka untuk bertindak dengan telus dan melaporkan salah laku kepada HATVP;
- memastikan Entiti mereka mematuhi pengaturan pendaftaran bagi daftar yang berkaitan dan peraturan khusus yang mengawal aktiviti melobi yang dijangkakan;
- mengelakkan daripada menghasut orang lain melanggar peraturan etika yang dikenakan terhadap mereka;
- berusaha untuk tidak cuba mendapatkan maklumat atau keputusan melalui cara menipu;
- mengelak daripada menggunakan maklumat yang diperolehi dalam urusan aktiviti mereka untuk tujuan komersial atau publisiti;
- menahan diri daripada menjual salinan dokumen yang bersumber daripada kerajaan, pihak berkuasa pentadbiran atau pihak berkuasa awam bebas kepada pihak ketiga;
- memastikan persatuan perdagangan dan kumpulan pemikir yang mungkin dianggotai oleh wakil Kumpulan mematuhi peraturan antirasuah.

Bantuan pihak-pihak ketiga untuk tujuan melobi

Peruntukan Kod Kelakuan ini berhubung analisis risiko, fi dan hubungan berkontrak yang dikenakan terhadap perantara turut dikenakan kepada wakil kepentingan.

Wakil kepentingan pihak-pihak ketiga mesti mematuhi peraturan antirasuah.

(1) Melobi bermaksud mengambil bahagian dalam debat awam tentang penyediaan draf atau pelaksanaan undang-undang, peraturan atau dasar awam dengan memberikan pendapat atau menyediakan kepakaran teknikal.

Pengambilan atau bantuan perkhidmatan bekas tokoh politik atau tokoh yang dilantik (Menteri, ketua pihak berkuasa tempatan, dll.) atau penjawat awam institusi nasional atau antarabangsa mesti mematuhi peraturan yang mengawal status mereka (cth. selang masa selepas peletakan jawatan, dll.). Dalam apa-apa jua keadaan, perkhidmatan mereka tidak boleh digunakan untuk tujuan melobi dalam bidang yang meliputi fungsi tugas terdahulu mereka sehingga tempoh undang-undang telah berlaku selepas mereka meletakkan jawatan.

Penggunaan firma melobi: bendera merah

Anda ingin melantik pelobi. Anda tidak harus berbuat demikian jika pelobi:

- tidak boleh membuktikan pengalaman dan sumber yang diperlukan bagi tujuan tersebut;
- enggan menerima fasal mandatori dalam kontrak bertulis;
- enggan berdaftar dengan pendaftar yang berkenaan (contohnya, direktori wakil kepentingan HATVP di Perancis, daftar ketelusan Eropah);
- mempunyai rekod sabitan amalan rasuah atau kesalahan serupa.

LAMPIRAN 1

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG SAPIN 2: PERLUASAN USAHA MEMERANGI RASUAH

Undang-undang Sapin 2 Perancis memperkenalkan beberapa langkah signifikan yang direka untuk mengesan dan mencegah Rasuah korporat. Undang-undang baharu ini menyelaraskan perundangan antirasuah Perancis sejajar dengan undang-undang antirasuah kebanyakan negara yang lain.

Melaksanakan program pematuhan

Undang-undang menghendaki syarikat yang melebihi saiz tertentu melaksanakan program pematuhan berdasarkan lapan teras utama:

- menerima guna kod kelakuan;
- kemudahan pemberi maklumat dalaman yang membolehkan kakitangan melaporkan situasi yang melanggar kod kelakuan syarikat;
- pemetaan risiko;
- tatacara untuk menilai situasi pelanggan, pembekal utama dan perantara berdasarkan peta risiko;
- tatacara kawalan perakaunan dalaman atau luaran;
- latihan untuk pengurus dan kakitangan yang paling terdedah kepada risiko Rasuah dan meraih Pengaruh;
- pengaturan tatatertib untuk menyekat kakitangan yang melanggar kod kelakuan syarikat;
- pengaturan kawalan dalaman dan penilaian untuk langkah-langkah yang dilaksanakan.

Penubuhan Agensi Antirasuah Perancis (French Anti-Corruption Agency, AFA)

AFA berperanan untuk membantu pihak berkuasa kompeten mencegah dan mengesan amalan rasuah serta kesalahan yang serupa. Agensi ini memainkan peranan pengawalseliaan dan mempunyai kuasa sekatan.

Agensi bertanggungjawab untuk mengawal selia pematuhan dengan langkah dan tatacara untuk mencegah serta mengesan rasuah yang perlu dilaksanakan oleh syarikat-syarikat besar. Kakitangan agensi boleh menjalankan audit di premis syarikat. Susulan audit ini, AFA mungkin memberikan amaran kepada syarikat dan, sepertimana yang wajar, merujuk perkara tersebut kepada lembaga sekatannya. Lembaga sekatan boleh mengarahkan syarikat mengubah suai tatacara dalamannya dan mengenakan denda ke atas syarikat dan eksekutif kanan yang didapati melanggar peraturan.

AFA juga akan melaporkan sebarang perkara yang dibawa kepada pengetahuan agensi, yang mungkin dianggap jenayah atau kesalahan, kepada pendakwa raya atau pendakwa raya jenayah kewangan.

Perjanjian pendakwaan tertunda

Sepertimana perjanjian pendakwaan tertunda (DPA) yang wujud di Amerika Syarikat dan United Kingdom, undang-undang Sapin 2 memperkenalkan kemungkinan organisasi yang dituduh melakukan Rasuah untuk mencapai persetujuan dengan pendakwa raya.

Tatacara inovatif ini membolehkan organisasi mencapai penyelesaian dengan pendakwa, tanpa melalui perbicaraan yang panjang, yang keputusannya belum pasti. Syarikat akan diminta membayar denda kepentingan awam kepada Jabatan Perbendaharaan, terhad pada 30% daripada purata jualan tahunan bagi tiga tahun yang lepas. Syarikat juga mungkin diminta menjalani program pematuhan selama tiga tahun di bawah penyeliaan AFA.

Meluaskan bidang kuasa mahkamah Perancis

Undang-undang Sapin 2 mengesahkan dan meluaskan bidang kuasa wilayah asing bagi mahkamah Perancis. Kuasa mahkamah kini diperluas kepada kesalahan yang dilakukan oleh entiti undang-undang atau individu yang biasanya menetap atau menjalankan sekurang-kurangnya sebahagian aktiviti perniagaannya di Perancis, tanpa mengira kewarganegaraan.

Undang-undang baharu ini turut membatalkan beberapa halangan yang sebelum ini menghalang tindakan mahkamah Perancis, yang kini mempunyai bidang kuasa:

- meskipun perilaku yang didakwa itu tidak boleh dihukum di bawah undang-undang negara tempat berlakunya salah laku tersebut;
- meskipun mangsa belum mengambil tindakan di negara tersebut; dan
- tanpa memerlukan pendakwa raya memulakan prosiding terlebih dahulu.

Mahkamah jenayah Perancis, sepertimana mahkamah jenayah UK dan AS juga, kini mempunyai bidang kuasa yang lebih luas dalam hal rasuah.

Penalti yang lebih berat ke atas individu

Sejak undang-undang Sapin 2 dikuatkuasakan, dasar kerajaan lebih cenderung ke arah hukuman yang lebih berat dan sistematik terhadap individu yang terlibat dalam amalan rasuah. Ini bermakna bahawa, tanpa mengira sebarang perjanjian pendakwaan tertunda yang dipersetujui oleh syarikat, tindakan undang-undang masih boleh diambil ke atas eksekutif kanan dan kakitangan yang telah melakukan pelanggaran tatasusila. Mahkamah menjadikan objektif ini prinsip tindakan.

Perlindungan pemberi maklumat

Undang-undang Sapin 2 melindungi pemberi maklumat dan melepaskan mereka daripada sebarang liabiliti jenayah jika mereka dipaksa untuk mendedahkan maklumat rahsia yang dilindungi oleh undang-undang.

Undang-undang ini juga memberi pemberi maklumat hak untuk merujuk terus kepada pihak berkuasa undang-undang atau pentadbiran sekiranya terdapat bahaya yang serius atau hampir, atau risiko kerosakan tak berbalik.

Undang-undang ini turut menghendaki semua syarikat yang mempunyai sekurang-kurangnya 50 pekerja untuk melaksanakan kemudahan pemberian maklumat yang sewajarnya untuk kakitangan dan pekerja luar atau sambilan.

LAMPIRAN 2

PAUTAN DAN RUJUKAN YANG BERGUNA

Perancis: Agensi Antirasuah Perancis (AFA)

Cadangan AFA

<https://www.agence-francaise-anticorruption.gouv.fr/files/files/Recommandations%20AFA.pdf>

Kod Kelakuan

<https://www.agence-francaise-anticorruption.gouv.fr/files/2018-09%20-%20Code%20de%20conduite%20-%20D2AE.pdf>

Bayaran pemudahan

<https://www.agence-francaise-anticorruption.gouv.fr/files/2019-07/2018-09 - Paielement de facilitation - D2AE -.pdf>

Konflik kepentingan

https://www.agence-francaise-anticorruption.gouv.fr/files/files/AFA_Guide_conflits_dinterets.pdf

Pemetaan risiko rasuah

<https://www.agence-francaise-anticorruption.gouv.fr/fr/document/cartographie-des-risques-corruption>

Menilai integriti pihak ketiga

<https://www.agence-francaise-anticorruption.gouv.fr/files/2019-07/2018-09%20-%20Evaluation%20des%20tiers%20-%20D2AE.pdf>

Kemudahan pemberian maklumat antirasuah dalaman

<https://www.agence-francaise-anticorruption.gouv.fr/files/2019-07/2018-09%20-%20Dispositif%20d%27alerte%20interne%20-%20D2AE.pdf>

Panduan praktikal berhubung pematuhan antirasuah korporat

<https://www.agence-francaise-anticorruption.gouv.fr/fr/guide-pratique-fonction-conformite-anticorruption-dans-lentreprise>

Panduan praktikal berhubung usaha wajar antirasuah dalam penggabungan dan pemerolehan

<https://www.agence-francaise-anticorruption.gouv.fr/files/files/Guide%20pratique%20fusacq%202021-02%20DEF-2-19.pdf>

Panduan praktikal berhubung dasar hadiah dan keraian dalam syarikat, industri dan daya usaha awam komersial, NGO dan yayasan

<https://www.agence-francaise-anticorruption.gouv.fr/files/files/Guide%20pratique%20politique%20cadeaux%20et%20invitations.pdf>

Amerika Syarikat

FCPA Panduan Sumber bagi Akta Amalan Rasuah Asing AS

<https://www.justice.gov/sites/default/files/criminal-fraud/legacy/2015/01/16/guide.pdf>

Panduan FCPA (Jun 2020)

<https://www.justice.gov/criminal-fraud/page/file/937501/download>

United Kingdom
Akta Rasuah 2010: Panduan berhubung tatacara yang boleh dilaksanakan organisasi komersial yang relevan untuk menghindari orang yang berkaitan dengan mereka daripada amalan rasuah https://www.justice.gov.uk/downloads/legislation/bribery-act-2010-guidance.pdf
Transparency International
Indeks Persepsi Rasuah (CPI) http://www.transparency.org/cpi

KUMPULAN BOUYGUES

32 avenue Hoche

F-75378 Paris cedex 08

Tel.: +33 (0)1 44 20 10 00

bouygues.com

Twitter: @GroupeBouygues



NOTIS PENTING

Dokumen ini memberikan gambaran keseluruhan bagi peraturan yang berkuat kuasa pada 30 Januari 2022.

Dokumen akan disemak sebagaimana perlu dan pindaan akan dimaklumkan hanya melalui Intranet dan bouygues.com.

2014 • Semakan: Mac 2022

Kod Etika, Kod Kelakuan Antirasuah dan Program Pemuatan (Persaingan, Maklumat Kewangan dan Perdagangan Sekuriti, Konflik Kepentingan, Embargo dan Sekatan Eksport) Kumpulan Bouygues boleh diakses melalui Intranet Kumpulan (ByLink).

BOUYGUES